

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 10 TAHUN 1990

PINDAH MILIK TANAH KEPUNYAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN KEPADA ORANG MELAYU ANAK KELANTAN.

Di dalam usaha Kerajaan untuk membangun satu-satu kawasan yang ditadbir oleh Pihak Berkuasa Tempatan ada tanah-tanah swasta yang telah diambil balik dan setelah dimajukan tanah berkenaan telah diberimilik di dalam bentuk lot dan saiz yang telah disusun atur mengikut perancangan Pihak Berkuasa Tempatan. Projek-projek yang dimaksudkan itu ialah seperti :-

- (a) Projek Perkedaian Majlis Daerah Ketereh di Pekan Ketereh dan Peringat.
- (b) Projek Perkedaian Majlis Daerah Pasir Mas di Rantau Panjang.
- (c) Projek Perumahan dan Perkedaian Majlis Daerah Kuala Krai di Taman Seri Guchil.
- (d) Projek Perkedaian Majlis Daerah Bachok di Jelawat
- (e) Projek Perkedaian Majlis Daerah Tanah Merah dan sebagainya.

2. Tanah-tanah berkenaan telah diberimilik kepada Majlis Daerah masing-masing dan dikenakan Sekatan Kepentingan dibawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara seperti berikut:-

“Tanah yang terkandung di dalam hakmilik ini tidak boleh dipindahmilik, digadai atau dibuat sebarang urusaniaga melainkan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu”.

3. Kebanyakan tanah-tanah yang telah dimajukan oleh Majlis Daerah itu ditawarkan kepada umum iaitu orang-orang tempatan khususnya Orang Melayu Anak Kelantan dan oleh sebab tanah berkenaan ada sekatan di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara maka tanah berkenaan tidak boleh dipindahmilik kecuali mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Sekarang ini kuasa telah diperturunkan kepada YAB. Tan Sri Menteri Besar untuk memberi kelulusan pindahmilik daripada Pihak Berkuasa Tempatan kepada bakal-bakal pembeli yang terdiri daripada Orang-Orang Melayu Anak Kelantan. Permohonan di bawah Seksyen 120 yang diproses di Pejabat Tanah dan lazimnya mengambil masa sebelumnya permohonan tersebut boleh diangkat kepada YAB. Tan Sri Menteri Besar untuk kelulusan. Ini adalah disebabkan Pejabat Tanah terpaksa memberi layanan kepada permohonan lain selain daripada permohonan daripada Majlis-Majlis Daerah ini. Masa yang telah diambil oleh Pejabat Tanah untuk memproseskan permohonan ini sedikit sebanyak menimbulkan kerumitan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, bakal pembeli dan juga Institusi Kewangan yang akan memberi pinjaman kepada pembeli-pembeli.

4. Untuk meringkaskan masa maka MMK yang bersidang pada 5hb. September, 1990 semasa menimbang Kertas Bil. 18/579/90(34) telah memberi kelonggaran bagi tanah-tanah yang diberimilik kepada Majlis Daerah untuk membolehkan Majlis Daerah memindahmilik tanah berkenaan kepada pembeli pertama yang terdiri daripada Orang-Orang Melayu Anak Kelantan dan untuk membolehkan pembeli pertama menggadai tanah tersebut kepada Bank dan Institusi Kewangan yang disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938.
5. Semua Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil ingatan tentang keputusan yang dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 5hb. September, 1990 itu dan mengambil tindakan untuk melonggar Sekatan Kepentingan bagi tanah-tanah yang telah diberimilik kepada Majlis Daerah dengan cara berikut:-

(a) Sekatan Asal

Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini tidak boleh dipindahmilik, digadai, dipajak atau dibuat sebarang urusaniaga melainkan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

(b) Ditambah Perenggan Baru (b)

Sekatan (a) dikecualikan sekiranya tanah ini hendak dipindahmilik kepada pembeli pertama yang terdiri daripada Orang-Orang Melayu Anak Kelantan dan Pembeli Pertama menggadai tanah tersebut untuk kegunaan sendiri kepada Bank dan Institusi Kewangan yang disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938. (Kertas MMK Bil. 18/579/90(34) dan Pekeliling P.T.G. Bil. 10/90).

6. Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengguna Rubber Stamp untuk mengecop perenggan (b) baru itu di dalam semua hakmilik yang didaftarkan dengan nama Majlis Daerah yang ada sekatan kepentingan dibawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara.
7. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

t.t
(Tengku Elias Bin Tengku Mahmood),
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
BOLK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU

BERTARIKH: 20HB. SEPTEMBER, 1990.

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tan Sri Menteri Besar, Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar, Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang, Kelantan
5. YB. Tuan Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri, Kelantan
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri, Kelantan
9. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan

FAIL : P.T.G. KN. Sulit 1/2/8 (147)